



## SIARAN MEDIA

### **INSKEN BUSINESS OUTREACH – BONGKAR RAHSIA DATA PELANGGAN UNTUK BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN**

**MIRI, 19 FEBRUARI 2020** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) telah menganjurkan siri jelajah yang ketiga bagi Program *INSKEN Business Outreach* (IBO) 2020 bertempat di Miri Sarawak. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Malcolm Mussen Anak Lamoh, Menteri Muda Perdagangan Antarabangsa & Industri Terminal Perindustrian & Pembangunan Sarawak.

*INSKEN Business Outreach* (IBO) 2020 merupakan seminar satu (1) hari yang membawakan topik berkaitan Revolusi Industri 4.0 (*IR 4.0*) bertemakan ‘Tingkatkan Jualan melalui Urus Data Pelanggan’. Program ini mendedahkan usahawan tentang penggunaan teknologi yang boleh membentuk cara mereka berniaga melalui teknik dan cara yang betul untuk mencari, mengurus dan melonjakkan jualan menggunakan data pelanggan.

Antara program yang turut diadakan adalah Ujian Psikometrik (MyNept), *Mind Setting* oleh Fahdi Ghazali, *Ask the Expert*, Jom Try Kira Cukai. Sebagai nilai tambah, sesi *Biz Clinic* juga diadakan bagi memberi peluang kepada usahawan mendapatkan khidmat rundingan bisnes dari Biskaunselor INSKEN dan juga sesi temuduga bagi pencarian Biskaunselor baru.

Siri ketiga yang telah diadakan di Miri, Sarawak dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri, dan telah berjaya mengumpulkan seramai 300 usahawan dari pelbagai industri.

Program IBO 2020 mensasarkan untuk melatih 3,500 usahawan secara keseluruhan melalui siri jelajah yang akan diteruskan ke lima (5) lagi negeri iaitu Johor, Kedah, Sabah, Terengganu dan Kelantan. Siri jelajah yang telah berlangsung di Selangor dan Pulau Pinang telah dihadiri 921 usahawan.

Senarai siri jelajah IBO seterusnya adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>
Johor Bahru	25 Februari 2020	Persada Johor
Kedah	05 Mac 2020	TH Hotel and Convention Center, Alor Setar
Sabah	12 Mac 2020	Four Points By Sheraton, Sandakan
Kuala Terengganu	25 Mac 2020	Duyong Marina & Resort, Kuala Terengganu
Kelantan	11 April 2020	Hotel Perdana, Kota Bharu

Maklumat lanjut mengenai program IBO serta pendaftaran boleh diperolehi melalui laman web rasmi INSKEN di [www.insken.gov.my](http://www.insken.gov.my) .

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)  
19 Februari 2020**